

PANDANGAN



NAZRI HADI SAPARIN
mhadi@spn.com.sg
Penolong Kepada Editor

\$6,426 SEBULAN.

Itulah perbelanjaan yang diperlukan sepasang suami isteri di sini, yang mempunyai dua orang anak berusia tujuh dan 18 tahun.

Ini berdasarkan satu kajian oleh para penyelidik daripada Sekolah Dasar Awam Lee Kuan Yew, Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Kajian tersebut, yang turut menggarkan seorang ibu atau bapa tunggal dengan anak berusia dua hingga enam tahun pula memerlukan \$3,218 sebulan, telah mencetuskan perbincangan hangat.

Dapatannya kumpulan pakar itu berdasarkan metodologi penyelidikan yang dikenali sebagai pendekatan Piawaian Pendapatan Minimum.

Cara ia dikendalikan pula ialah dengan membentuk kumpulan fokus merangkumi orang awam yang kemudian ditanya mengenai barang dan perkhidmatan yang diperlukan bagi taraf kehidupan asas mereka, mengambil kira amalan-amalan dan jangkaan sosial.

Dalam kajian itu, keperluan asas bukan hanya apa yang diperlukan oleh sesebuah keluarga untuk hidup, tetapi juga merangkumi perkara-perkara yang dapat membungkungkan rasa pemilikan diri, dihormati, keselamatan diri dan kepuasaan berdikari.

Kementerian Kewangan (MOF), sebagai respons, menarik perhatian bahawa dapatan kajian itu terlalu berantun kepada profil para peserta kumpulan fokus yang terlibat.

Di samping itu, ia juga tidak memberi pertimbangan kepada alternatif yang kosnya lebih rendah seperti tuisyen yang ditawarkan oleh kumpulan bantu din yang boleh menggantikan program yang dikendalikan pusat-pusat swasta.

Perbahasan ini mengingatkan saya kepada satu tulisan oleh sekumpulan pakar setempat dalam sektor khidmat

Mencari takrif sebenar mutu, taraf kehidupan

sosial yang menggesa ibu bapa kelas pertengahan untuk berhenti mengambil cara ibu bapa berpendapatan rendah membesarakan anak-anak.

Dalam artikel bertajuk *Growing Up Poor(ly): Intergenerational Class-based Parenting Logic In Singapore* yang diterbitkan dalam jurnal pengajian keluarga, para pakar itu menekankan realiti ekonomi ibu bapa berpendapatan rendah memerlukan sikap empati, sokongan lebih kukuh dan perubahan secara institusional.

Antara lain, artikel tersebut meneckan bahawa selagi terdapat jurang pendapatan yang lebar, ibu bapa yang memiliki status sosial dan ekonomi yang tinggi akan terus menggandakan usaha mereka memperbaiki peluang masa depan anak-anak mereka.

Ini akan mengakibatkan jurang tersebut terus melebar.

Artikel itu mengatakan, ibu bapa SES (status sosial dan ekonomi) rendah, berusaha sebaik mungkin, namun keutamaan mereka yang berbeza mungkin tampak pelik, kerana masyarakat mempunyai anggapan tersendiri mengenai sesuatu yang dianggap normal.

Justeru, masyarakat melihat cara keibubapaan mereka sebagai kurang elok, atau punca kegagalan anak-anak mereka.

Jika direnung dengan teliti, pilihan yang dibuat ibu bapa berpendapatan rendah mencerminkan hambatan dan cabaran yang mereka hadapi akibat ekoran status ekonomi mereka yang rendah itu.

Hakikatnya, ramai ibu bapa berpendapatan rendah tidak mempunyai wangi mahupun masa untuk menjadi ibu bapa yang benar-benar memupuk potensi anak-anak mereka, tidak seperti ibu bapa berpendapatan lebih tinggi.

Justeru, sebagai contoh, sekiranya ibu bapa berpendapatan rendah ini mengamalkan pendekatan yang lebih *hands-off*, ini ialah kerana mereka tidak tidak mempunyai sumber yang diperlukan untuk membesarakan anak-anak dengan cara lain.

Saya masih ingat semasa menuntut

"Menyusuli penerbitan kajian perbelanjaan keluarga di media-media utama setempat, beberapa pakar, bekas Anggota Parlimen dan pemerhati sosial, aktif membincangkan bahawa dengan Singapura kini diakui sebagai antara negara terkaya dunia, tiba masanya kita melihat isu kehidupan di sini, dari sudut mutu kehidupan berbanding kos kehidupan. Namun, pada masa yang sama, kita masih mempunyai keluarga yang bergelut dengan tuntutan kehidupan sehari-hari di Singapura, dan menghadapi cabaran serta hambatan bagi memenuhi perkara-perkara asas, yang tidak begitu mudah untuk diatasi. Apa juga perbahasannya, penting dalam perbincangan ini ialah aspek penyertaan sosial serta tanggungjawab individu, keluarga dan masyarakat. Setiap orang, tanpa mengira kedudukan sosial dan ekonomi, harus melihat dan menyakini bahawa mereka atau keluarga mereka dapat mencapai sesuatu yang lebih baik di masa depan."

- Penulis.

dahulu dan menyertai beberapa siri kerja kemasyarakatan.

Semasa melawat rumah-rumah keluarga berpendapatan rendah, saya sering tertanya mengapa mereka mempunyai set televisyen dan DVD, malah ada keluarga yang mempunyai set permainan video seperti X-box.

Bukankah wang yang dibelanjakan untuk membeli televisyen dan set permainan itu, dan bil elektrik bagi menggunakananya, boleh digunakan untuk tujuan 'lebih baik'.

Dalam konteks hari ini pula, jika kita melakukan lawatan ke flat-flat sewa, kita akan lihat kanak-kanak yang bermain atau menggunakan alat-alat digital seperti telefon bijak atau tablet sepanjang hari.

Ia mungkin tampak seperti pendekatan yang terbaik, namun ibu bapa berpendapatan rendah tidak mempunyai sumber yang luas untuk memastikan masa anak-anak mereka dipenuhi dengan kegiatan-kegiatan alternatif yang lebih bermakna.

Justeru, bagi mereka, membiarkan anak-anak menghabiskan masa bermain YouTube atau permainan video di Internet, adalah pilihan terbaik dalam keadaan mereka.

Mereka lebih rela bekerja lebih keras untuk mencari wang bagi membayar bil Internet, demi memastikan anak-anak duduk di rumah sedang mereka sibuk bekerja.

Ini adalah pilihan lebih baik dari-

pada anak-anak terbiasa bermain di luar, sekali gus mendedahkan mereka kepada lain-lain risiko.

Kedua-dua kajian perbelanjaan keluarga dan artikel mengenai cara ibu bapa berpendapatan rendah membesarakan anak-anak menarik perhatian kepada apakah erti sebuah kehidupan yang baik di Singapura.

Menyusuli penerbitan kajian perbelanjaan keluarga di media-media utama setempat, beberapa pakar, bekas Anggota Parlimen dan pemerhati sosial, aktif membincangkan bahawa dengan Singapura kini diakui sebagai antara negara terkaya dunia, tiba masanya kita melihat isu kehidupan di sini, dari sudut mutu kehidupan berbanding kos kehidupan.

Namun, pada masa yang sama, kita masih mempunyai keluarga yang bergelut dengan tuntutan kehidupan sehari-hari di Singapura, dan menghadapi cabaran serta hambatan bagi memenuhi perkara-perkara asas, yang tidak begitu mudah untuk diatasi.

Apa juga perbahasannya, penting dalam perbincangan ini ialah aspek penyertaan sosial serta tanggungjawab individu, keluarga dan masyarakat.

Setiap orang, tanpa mengira kedudukan sosial dan ekonomi, harus melihat dan menyakini bahawa mereka atau keluarga mereka dapat mencapai sesuatu yang lebih baik di masa depan.

Bantuan sosial bagi golongan kurang mampu harus diperlengkap, namun pada masa yang sama penting juga memastikan semangat berdikari, berdaya tahan dan bekerja keras terus menjadi tuntugan kemanjuran individu dan keluarga di Singapura.

Sebagai sebuah masyarakat juga, kita yang datang dari keluarga lebih mampu mempunyai peranan penting yang boleh disumbangkan.

Libatkan diri dalam kerja-kerja kemasyarakatan kerana bantuan yang diperlukan keluarga-keluarga susah boleh diberikan dengan lebih baik menerusi usaha-usaha masyarakat.

Usaha sedemikian juga pada masa yang sama, memperkuuh hubungan sosial dan daya tahan bersama. Dan paling penting, ia membuka mata kita kepada realiti kehidupan keluarga-keluarga lain, supaya kita tidak cepat mengadili, sebaliknya bersikap ihsan dan memahami cabaran yang mereka alui.




Foto ISTOCKPHOTO